# UPM, MVP meterai perjanjian untuk komersial vaksin baharu sampar ayam

Oleh: Azman Zakaria

Foto: Marina Ismail



SERDANG, 30 Dis: Universiti Putra Malaysia (UPM) dan syarikat Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP)

LIHAT JUGA



Projek Kelestarian Ekosistem Hutan Paya Gambut di Hutan Simpan Raja Musa Selangor (/berita /projek_kelestarian_ekosistem_hutan_paya_gambut_di_hutan_simpan_raja_musa_selangor-55597)



Pelajar UPM sertai program mobiliti di Universiti Al al-Bayt, Jordan (/berita /pelajar_upm_sertai_program_mobiliti_di_universiti_al_al_bayt_jordan-55595)



Reban ayam tertutup canggih, lengkap dengan sistem kawalan suhu (/berita /reban_ayam_tertutup_canggih_lengkap_dengan_sistem_kawalan_suhu-55593)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1582533760

memeterai perjanjian pelesenan (licensing agreement) untuk MVP mengkomersialkan inovasi vaksin generasi baharu bagi mengawal penyakit sampar ayam (Newcastle Disease) yang menyerang ayam komersial.

Perjanjian itu ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus, manakala MVP oleh Pengarah Eksekutif, Puan Rashidah Ibrahim.

Ia disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon; Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini Ideris; dan pengerusi MVP, Dato' Dr. Mhd Nordin Mohd Nor.

Projek inovasi vaksin generasi baharu itu diketuai Prof. Dr. Abdul Rahman Omar dari Institut Biosains (IBS) dan Fakulti Perubatan Veterinar UPM.




B1582533760



Prof. Dr. Abdul Rahman berkata, ujian yang dijalankan oleh IBS dan MVP mendapati vaksin itu stabil, tidak mempunyai kesan sampingan dan selamat digunakan pada ayam berumur satu hari.

"Anak ayam yang disuntik sekali dengan vaksin ini menghasilkan paras antibodi yang tinggi selepas tiga minggu, yang memberikan perlindungan menyeluruh daripada cabaran penyakit serta pembebasan virus ND genotip VII virulen. (virulent genotype VII ND virus)," katanya.

Sementara itu, Tan Sri Dr. Ghauth berkata, perjanjian itu membolehkan penyelidikan di makmal diperkembangkan dan hasilnya dimanfaatkan untuk pasaran serta masyarakat.

Katanya, pembangunan dan kemajuan vaksin tempatan juga akan boleh mengurangkan kebergantungan kerajaan terhadap vaksin haiwan yang diimport.

Prof Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini pula berkata, penyakit ND amat mudah merebak yang menyebabkan kerugian ekonomi yang besar kepada industri ternakan ayam di seluruh dunia.

Justeru, katanya, perjanjian yang ditandatangani itu akan memberikan manfaat serta faedah sosial dan pertumbuhan ekonomi.

Dato' Dr. Mhd Nordin pula berkata MVP akan mengkomersialkan vaksin itu dan berharap ia akan menjadi satu daripada produk komersial vaksin UPM yang paling laris jualannya. - UPM

Tarikh Input: 09/01/2020 | Kemaskini: 09/01/2020 | hairul_nizam

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_mvp_meterai_perjanjian_untuk_komersial_vaksin_baharu_sampar_ayam-54713&title=UPM%2C%20MVP%20Meterai%20Perjanjian%20Untuk%20Komersial%20Vaksin%20Baharu%20Sampar%20Ayam%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)

B1582533760

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999



© 2020 Universiti Putra Malaysia



B1582533760